

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM
[SERIAN]**

TARIKH : 8 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 69

DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM [SERIAN] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan Klinik Komuniti, purata doktor bagi setiap klinik di seluruh negara.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedang melaksanakan penyusunan semula perkhidmatan yang disediakan di Klinik Komuniti agar perkhidmatan yang diberikan berfokus kepada Rawatan Pesakit Luar, khususnya rawatan penyakit tidak berjangkit kronik (*Chronic NCD*) selain rawatan dan kecemasan asas. Perkhidmatan di Klinik Komuniti akan diterajui oleh Pegawai Perubatan yang akan ditempatkan secara berperingkat. Sejajar dengan penempatan Pegawai Perubatan, Klinik Komuniti juga akan dilengkapi dengan Perkhidmatan Farmasi.

Pihak Kementerian juga sedang melaksanakan "*rightsizing*" terhadap jumlah Klinik Komuniti agar sumber yang terhad digunakan secara optima. Ini melibatkan pengurangan jumlah Klinik Komuniti daripada 347 buah sebelum ini kepada 282 buah dalam tempoh 2 tahun. Melalui langkah ini juga, 20 fasiliti akan dinaik taraf kepada Klinik Kesihatan yang bakal menyediakan perkhidmatan yang lebih komprehensif meliputi rawatan pesakit luar serta perkhidmatan kesihatan ibu dan anak manakala baki 45 buah fasiliti akan ditutup.

Sehingga 1 Jun 2019, terdapat sejumlah 319 buah Klinik Komuniti yang masih beroperasi di seluruh Malaysia. Dari jumlah itu, 76 buah Klinik Komuniti telah mempunyai Pegawai Perubatan. Kementerian menasarkan sekurang-kurangnya akan terdapat seorang Pegawai Perubatan untuk 282 buah Klinik Komuniti yang akan terus beroperasi.

Kementerian juga merancang untuk menempatkan Pegawai Farmasi di 50 buah Klinik Komuniti terpilih pada tahun ini. Jumlah ini akan ditambah berdasarkan keperluan semasa.

Sekian, terima kasih.